

15/10/1999

Pelaburan asing terus meningkat

Wan Hazmir Bakar

MALAYSIA terus menyaksikan pengaliran masuk pelaburan terus asing (FDI) dalam sektor pembuatan dan berkaitan meski pun secara keseluruhannya dunia menyaksikan penurunan pengaliran masuk FDI ke negara membangun.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata pelaburan untuk sektor pembuatan yang diluluskan dari Januari hingga Ogos tahun ini mencapai RM9.73 bilion.

Sebelum ini jumlah pelaburan itu meningkat daripada RM25.82 bilion pada tahun 1997 kepada RM26.35 bilion pada tahun lalu.

"Maklum balas dari pelabur sedia ada terus menyatakan pakej pelaburan Malaysia dengan faktor penarik menjadikan negara ini sebagai pangkalan pembuatan dan eksport yang berdaya saing," katanya berucap merasmikan seminar Malaysia British Business Council (MBBC) di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama ialah Presiden Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), Mirzan Mahathir, dan Pengerusi Standard Chartered Bank Plc, Sir Patrik Gillam.

Rafidah berkata Amerika Syarikat adalah sumber utama pelaburan terus asing bagi tempoh Januari dan Ogos tahun ini dengan pelaburan sebanyak RM2.811 bilion membabitkan 23 syarikat dan diikuti Jepun dengan pelaburan berjumlah RM804.3 juta membabitkan 70 syarikat.

Sumber lain ialah Switzerland dengan pelaburan bernilai RM705.1 juta dan tiga syarikat, Singapura (RM631.4 juta dan 69 syarikat), Belanda (RM504.9 juta dan tiga syarikat), Emiriyah Arab Bersatu (RM309.8 juta dan dua syarikat), Taiwan (RM190.8 juta dan 47 syarikat) dan United Kingdom (RM189.8 juta dan 11 Syarikat).

Rafidah berkata perkongsian di antara syarikat Malaysia dan Britain pada masa depan tidak seharusnya didasarkan hanya kepada norma tradisional iaitu perniagaan usaha sama tetapi perlu merangkumi sektor teknologi maklumat yang akan menyaksikan penampilan hebat perniagaan elektronik.

Katanya, pada masa ini kebanyakan jaringan antara syarikat kedua-dua negara hanya membabitkan badan perniagaan besar manakala syarikat kecil dan sederhana (IKS) belum mengadakan sebarang jalinan.

"Malaysia mengalu-alukan pelaburan syarikat IKS untuk mewujudkan industri sokongan bagi memenuhi keperluan syarikat besar dan multinasional," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Rafidah berkata langkah penggabungan bank tempatan akan membolehkan mereka memperuntukkan dana khusus bagi pembiayaan syarikat IKS yang selama ini dibiayai menerusi dana yang disediakan kerajaan.

Katanya, langkah itu juga akan menggalakkan perniagaan usaha sama di negara ini memandangkan 70 peratus daripada pembiayaan untuk industri pembuatan diperolehi dari dalam negara.

(END)